Unsur formalistik dalam karya Ya Bamban Ya Lukah dan Huminodun Spirit

ABSTRACT

Karya catan Hassan Majin iaitu Ya Bamban Ya Lukah dan Huminodun Spirits (Kadazandusun) oleh Abdullah Ehlid Al Walid adalah cetusan idea pelukis terhadap tarian tradisi masyarakat Bisaya dan cerita rakyat wanita Kadazandusun. Karya diolah oleh pelukis bertujuan untuk memberi tafsirannya sendiri berdasarkan ekspresi dalam catan seni visual. Karya ini memberi penekanan terhadap penyampaian rasa, emosi dan perasaan yang diolah dalam sapuan berus dan penggunaan warna dalam kanvas karyanya. Naratif cerita diolah melalui pergerakan Spirit Bubu Mengalai dan figura Huminodun. Kajian dilakukan secara kualitatif untuk mentafsir keadaan yang sebenar menerusi pengkaryaan. Penghasilan karya adalah menerusi aplikasi aspek formalistik dalam pengkaryaan dan perspektif budaya. Hasil kajian menjelaskan bahawa terdapat unsur spirit dalam perkaryaan sebagai pernyataan seni visual yang mengupas tentang elemen fomalistik, kepercayaan terhadap figura dan kritikan seni. Justeru, terdapat unsur kepercayaan semangat dan perubatan tradisional menerusi tarian serta semangat menuai padi masyarakat tempatan di Borneo yang mereka warisi sejak dahulu lagi. Oleh hal yang demikian, pelukis dapat memaparkan semula dalam bentuk karya catan seni visual.